



PEROLEHAN SECARA TENDER TERBUKA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 12 JUN 2025 (KHAMIS)

Tawaran Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)** dalam kod bidang **050101 dan 050102** untuk mengambil bahagian di dalam tender seperti berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	HARGA DOKUMEN (RM)	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	SYARAT PENYERTAAN TENDER	TARIKH TENDER DITUTUP
[FTA (CPTPP)] – Tender Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah 22 Unit Peralatan Perubatan <i>Autoclave Machine</i> Untuk Kegunaan Perkhidmatan Pensterilan Berpusat Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Dua (2) Tahun (Maklumat lanjut sila layari laman sesawang: https://www.moh.gov.my) dan MyProcurement [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG] No. Jadual T/P&P : 131/2025	500.00 (Tidak akan dikembalikan)	Tarikh : 16 Jun 2025 (Isnin) Masa : 10.00 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Ibnu Al-Haitham (BM 5) Blok E1, Aras 1 Program Perubatan, Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya	Dokumen Tender boleh diperolehi/dijual selepas taklimat/ lawatan tapak pada 19 Jun 2025 (Khamis) di alamat: Kaunter Tender Bahagian Perolehan dan Penswastaaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 PUTRAJAYA pada waktu-waktu pejabat seperti berikut: Hari/masa: Isnin – Khamis 8.00 pagi - 1.00 ptg 2.00 ptg - 4.00 ptg Jumaat 8.00 pagi – 12.00 t/hari 2.45 ptg – 4.00 ptg	1) Petender DIWAJIBKAN untuk menghadiri sesi taklimat tender. 2) Petender dikehendaki untuk mematuhi semua peraturan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) dan mengemukakan salinan dokumen seperti berikut: i) Lesen <i>Establishment</i> dan ii) Sijil Pendaftaran Peranti Perubatan (MDA) 3) Syarat menghadiri taklimat tender: Hanya Pegawai/ Pekerja yang diluluskan oleh Syarikat untuk Pengurusan Perolehan Kerajaan seperti di dalam Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)/ Perakuan Pendaftaran Kontrak (PPK) SAHAJA yang boleh hadir ke sesi taklimat tender. Syarikat tidak dibenarkan mewakilkan pegawai lain. Pegawai/Pekerja yang diluluskan Syarikat wajib membawa DOKUMEN di atas bagi mengesahkan kehadiran ke sesi taklimat tender.	29 Julai 2025 jam 12.00 tengah hari

				4) Petender HENDAKLAH memiliki Lesen Atom Kelas C di bawah Akta 304 Tahun 1984 yang dikeluarkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (sama ada dimiliki oleh prinsipal atau <i>tendering agent</i>). 5) Perolehan ini tertakluk kepada syarat CPTPP seperti berikut: (i) Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan; (ii) Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa; (iii) Harga yang ditawarkan pembida juga adalah tertakluk kepada penentuan Keutamaan Harga (<i>Margin Of Preference</i> – MOP) syarikat tempatan/syarikat dari negara ahli FTA; dan (iv) Program Kolaborasi Industri (ICP) (jika berkaitan) 6) Sebarang pertanyaan berkenaan taklimat sila hubungi: Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan, Unit Sumber Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. No. Telefon : 03-8890 6045 / 03-8883 1130	
--	--	--	--	---	--

Tempat serahan Dokumen Tender hanya di:

**KAUNTER TENDER
BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENSWASTAAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,
ARAS 7, BLOK E7, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62590 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-8883 3995 / 3994 / 3991 / 3325**

DOKUMEN TENDER YANG LEWAT TIDAK AKAN DITERIMA. KEMENTERIAN INI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DI ATAS SEBARANG KELEWATAN PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER MELALUI POS LAJU / *COURIER*.

Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal.**

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dalam bentuk **Bank Draf** atau ***Money Order sahaja*** atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia.**

BAYARAN MELALUI WANG TUNAI/CEK/WANG POS TIDAK DITERIMA.

PEMBEKAL-PEMBEKAL YANG INGIN MEMBELI DOKUMEN TENDER DIWAJIBKAN MEMBAWA SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA YANG ASAL BESERTA SALINAN (TIDAK DIKEMBALIKAN) UNTUK PENGESAHAN PENDAFTARAN

**Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia**